


MAJLIS AGAMA ISLAM


WILAYAH PERSEKUTUAN

PERLANTIKAN

ADALAH dengan ini dilantik EN. AZIZAN BIN SHAARI, No. Kad Pengenalan 5840496 sebagai Pendakwa di Mahkamah-Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan mengikut peruntukan seksyen 64(b) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor NO. 31952 sebagaimana diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974 dan mengikut Resolusi bilangan 17/89.

Bertarikh: 5/8/89



Dimeteri di hadapan  


Setiausaha  
HJ. ARIFIN BIN HARUN

Disaksi oleh


(1)

.....  
Ahli  
TAN SRI DATUK PROF. AHMAD  
BIN MOHD. IBRAHIM

(2)

.....  
Ahli  
DATO' SHEIKH OTHMAN BIN  
HJ. IBRAHIM

CARTA ORGANISASI UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWA





LAMPIRAN: C



Tel: 2383444  
(10 talian)

Bil. Surat Kita:

Bil. Surat Tuan:

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

جبا تن اكام اسلام

ولايه فرسكتوان

JABATAN AGAMA ISLAM,  
WILAYAH PERSEKUTUAN,  
BANGUNAN SULAIMAN,  
JALAN DAMANSARA,  
50676 KUALA LUMPUR.

(UNIT PENGUATKUASA/PENDAKWA)

Tarikh: .....

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,

Siasatan Aduan: .....

Adalah saya diarah memanggil tuan/puan untuk memberi beberapa maklumat berhubung dengan perkara di atas:-

Pada: ..... Hari ..... Jam .....

Tempat: .....

2. Tuan/Puan dikehendaki membawa bersama kad pengenalan, surat nikah/surat cerai dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**"APAKAH SUMBANGAN ANDA KEPADA AGAMA & NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

.....  
b.p. Pengarah,  
Jabatan Agama Islam,  
Wilayah Persekutuan.

LAMPIRAN: D

Keterangan Ringkas Fasal.....

Pada.....bersamaan.....lebih kurang jam  
 .....pagi/petang/malam pegawai-pegawai penyiasat JAWI yang  
 terdiri daripada.....  
 membuat pemeriksaan di.....  
 dan dapati yang dituduh kedua duanya sedang berada di.....  
 ..... dalam keadaan.....  
 .....  
 Apabila di soal siasat mereka membuat pengakuan secara jujur dihadapan  
 pegawai penyiasat bahawa mereka ada melakukan.....  
 .....kaitan dengan pasangan ini.....  
 .....

Latar Belakang Yang Kena Tudu

1. Nama:.....K.P:.....  
 (Huruf Besar Mengikut Kad Pengenalan)  
 Tarikh Lahir:.....Umur:.....  
 Alamat Tempat Tinggal:.....  
 Pekerjaan:.....Gaji/Pendapatan:.....  
 Alamat Tempat Kerja:.....  
 Taraf Perkahwinan:.....Bil. Isteri:.....Bil Anak.....  
 Kesalahan yang lalu:.....Tarikh:.....  
 Keputusan Mahkamah:.....
2. Nama:.....K.P:.....  
 Tarikh Lahir:.....Umur:.....  
 Alamat Tempat Tinggal:.....  
 Pekerjaan:.....Gaji/Pendapatan:.....  
 Alamat Tempat Kerja:.....  
 Taraf Perkahwinan:.....Bil. Isteri:.....Bil Anak.....  
 Kesalahan yang lalu:.....Tarikh:.....  
 Keputusan Mahkamah:.....  
 Tanda Tangan Pegawai Penyiasat  
 .....



LAMPIRAN: E

UNIT PENGUATKUASA/PENDAKWA  
PERCAKAPAN DALAM PEMERIKSAAN

PENGADU/SAKSI/OKT.

NAMA BENIH:.....K.P.....

JANTINA:.....BANGSA:.....

TEMPAT LAHIR:.....TARIKH LAHIR:.....

PEKERJAAN:.....GAJI/PENDAPATAN:.....

ALAMAT TEMPAT KERJA:.....

.....TEL:.....

ALAMAT RUMAH:.....

.....TEL:.....

DITERIMA OLEH:.....

DI:.....

PADA:.....JAM:.....

Tandatangan/Cop Ibu Jari,  
.....  
(K.P. ....)

LAMPIRAN: F

(6)

UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWA  
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
JALAN IPOH, 51200, KUALA LUMPUR.

Tel: 4428688/4428697

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: UPK 6618

Tarikh : 10hb. Oktober, 1989

Assalamualaikum wr. wb.,

Pendaftar,  
Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,  
Tingkat 4-5, Wisma Baitulmal,  
No 132-138, Jalan Ipoh,  
51200, Kuala Lumpur.

Tuan,

Orang Yang Kena Tuduh (OKT):.....  
  **AHMAD AKIB BIN JAWAHIR**


**ZULINAH BTE MOHAMED YUSOF**  
.....

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan kepada tuan mengenai perkara tersebut di atas, sukacita dinyatakan bahawa penyiasatan terhadap penama tersebut telah selesai dijalankan dan bersama-sama ini disertakan kertas pertuduhan untuk tindakan tuan selanjutnya.

Sekian terima kasih. Wassalam.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH JUA "

Saya yang menurut perintah,

  
.....  
( **ISMAIL B. HJ MOKHTAR** )  
Pendakwaraya,  
Mahkamah Syariah,  
Wilayah Persekutuan.

/jms.



LAMPIRAN: F

(Maklumat 114) (Case 114)		TANAH MELAYU/MALAYA KADI W.P		Saman/Summons No. _____ tahun 19 ____ No. _____ of 19 ____	
Dalam Mahkamah Seben Majliset		KERTAS PERTUDUHAN/CHARGE SHEET		Waran/Warrant No. _____ tahun 19 ____ No. _____ of 19 ____	
in the Sesi Court at Magistrate's		Nama orang yang dituduh Name of accused <b>AHMAD AKIB BIN JAWAHIR K. P: 4956146</b>		Tangkapan/Arrest No. _____ tahun 19 ____ No. _____ of 19 ____	
Alamat orang yang dituduh Address of accused <b>NO 77-01-18, FASA 8-9 BANDAR BARU SENTUL, KL</b>					
Pertuduhan/Charge: Bahawa kamu pada atau lebih kurang jam 10.30 malam 23hb. September, 1989 di atas bangku berhampiran Penggung Aniverseri dalam Taman Tasik Perdana Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan telah didapati berdekatan dan berduaan dalam keadaan yang syak dengan seorang perempuan iaitu ZULINAH BTE MOHAMED YUSOF K.P: 7227099 yang bukan isteri kamu atau berkaitan pernikahan yang diharamkan berkahwin mengikut hukum syarak, dengan itu kamu telah dituduh melakukan kesalahan yang boleh dikenakan di bawah Pasal 157 (i) Perintah Wilayah Persekutuan (Penggubahan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak), 1988.					
Tarikh Saman Waran _____ 19 ____		Tandatangan pihak berkuasa mengeluarkan Signature of issuing authority		Yang Dipertua/President Pendatar/Registrar Majliset/Magistrate	
Date of issue of Warrant					
Butir-butir jaminan Polis yang ditawarkan Particulars of Police bail offered		Tarikh dikembalikan Return date		Banyaknya Amount \$	
Jaminan Polis diambil pada Police Bail taken on		_____ 19 ____ _____ 19 ____		Penjamin Sureti Penjamin-penjamin/Sureties	
Nama pengadu (jika ada) Name of complainant (if any)		Norahim b. Hj Zakaria		Tarikh pengaduan Date of complaint	
Alamat pengadu (jika ada) Address of complainant (if any)		Terup 1A, P.R.U Pusat Latihan Polis, Jalan Semarak, KL		24.9.89	
Jika pertuduhan dipinda pada bila-bila masa, sahkan butir-butir pertuduhan yang dipinda dan masukkan di sini tarikh pindaan If the charge is amended at any stage, endorse particulars of the amended charge and insert here the date of amendment					
Tarikh ditangkap Date of arrest		Tarikh hadir kali pertama Date of first appearance		Kejuruan orang yang dituduh Nationality of accused	
23.9.89				melayu	
Ravuan Plea		Butir-butir Jaminan Particulars of Bail		Umur orang yang dituduh Age of accused	
				33th	
Waran Menahan No. dan tarikh dikeluarkan Remand Warrant No. and date of issue		Jika kemudiannya jaminan diben, tarikh dilepaskan If bail subsequently given, date of release		Catatan Remarks	
Pegawai atau pegawai pendakwa Prosecuting Advocate or officer		Ismail b. Hj Mokhtar		Pegawai pembela- Defending Advocate	
Penangguhan Adjournment		Tandatangan ringkas Initial		Pendapat Findings	
Hingga (tarikh) To (date)		Sebab + Reasons		Sahutan yang dahulu (melainkan jika tiada catatan butir-butirnya) Previous convictions and evidence of character (Unless nil, endorse particulars)	
				Ravuan untuk merengankan hukuman (melainkan jika tiada catatan butir-butirnya) Plea in mitigation (Unless nil, endorse particulars)	
				Hukuman dan ratau lain-lain pernah dan/atau hon Sentence and/or other order and/or hon	
Tarikh menamatkan pembacaan Date of termination of proceedings				Ditandatangani Signed	
Resit denda No. Fine Receipt No.		Waran Mempenjara No. Warrant of Commitment No.		Yang Dipertua/President Majliset/Magistrate	

Perwaj yang tidak boleh dipetik kerana dia orang atau lebih dipertalihkan pernama.  
This form is not to be used where name or name of the accused is changed.

\*Semua butir-butir yang dianda demikian mentah diendahkan rapkas oleh dua orang yang membina mahkamah.  
All items are marked must be installed by the person making the entry.

JANGAN TULIS DALAM RUANGAN INI  
DO NOT WRITE IN THIS MARGIN

Untuk digunakan dalam kes-kes Waran dan tangkapan sahaja.  
For use in Warrant and arrest cases only.

\*Jika panjang catitkan.  
If long endorse.

LAMPIRAN: F

(Maklumat 114) 11 suris 112		<b>TANAH MELAYU/MALAYA</b>		Nama/Username	
Dalam Mahkamah Seventh Magistrate		KADI W.P.		No. _____ tahun 19____ of 19____	
In the Sessions Magistrate's Court at				Warrant/Warrant	
Nama orang yang diduduh Name of accused		Kertas Pertuduhan/Charge Sheet		No. _____ tahun 19____ of 19____	
ZULINAH BTE MOHAIED YUSOF K.P: 7227099				Tanggalan/Arrest	
Alamat orang yang diduduh Address of accused		NO 110, JLN TERATAI 1/11, TAMAN MELUR AMPANG, 68000, SELANGOR.			
<p><b>Pertuduhan/Charge:</b> Bahawa kamu pada atau lebih kurang jam 10.30 malam 23hb. September, 1989 di atas bangku berhadapan Punggug Aniverseri dalam Taman Tasik Perdana Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan telah didapati berdekatan dan berduaan dalam keadaan yang syak dengan seorang lelaki iaitu AHMAD AKIB BIN JAWAHER K.P: 4956146 yang bukan suami kamu atau berkaitan pernikahan yang dibaramkan berka hwin mengikut hukum syarak, dengan itu kamu telah diduduh melakukan kesalahan yang boleh diduduh di bawah Pasal 157 (1) Perintah Wilayah Persekutuan (Penggubah-  <del>gahan dan Prosedur Pentadbiran Hukum Syarak</del>), 1986.</p>					
Tarikh saman dikeluarkan Date of issue of Warrant		Tandatangan pihak berkuasa mengeluarkan Signature of issuing authority		Yang Diperintah/President Pembiliai-Registrar Magistrate/Magistrate	
Butir-butir jaminan Polis yang ditawarkan Particulars of Police bail offered		Tarikh dikembalikan Return date		Banyaknya Amount \$	
Jaminan Polis diambil pada Police Bail taken on		19____ 19____			
Nama pengadu (jika ada) Name of complainant (if any)		Norahim b. Hj Zakaria		Tarikh pengaduan Date of complaint	
Alamat pengadu (jika ada) Address of complainant (if any)		Terup 1A, F.R.U Pusat Latihan Polis, Jalan Semarak, KL		24.9.89	
Jika pertuduhan dipinda pada bila-bila masa, sahkan butir-butir pertuduhan yang dipinda dan masukkan di sini If the charge is amended at any stage, endorse particulars of the amended charge and insert here the date of amendment					
Tarikh ditangkap Date of arrest		23.9.99		Umur orang yang diduduh Age of accused	
Rasuan Piro		Butir-butir Jaminan Particulars of Bail		Umur orang yang diduduh Age of accused	
Waran Menahan No. dan tarikh dikeluarkan Remand Warrant No. and date of issue		Jika kemudiannya jaminan diberi, tarikh dilepaskan If bail subsequently given, date of release		26th	
Peguam atau pegawai pendakwa Prosecuting Advocate or officer		Ismail b. Hj Mokhtar		Peguaan pembela Defending Advocate	
Penangguhan Adjournments		Tandatangan ringkas Initial		Pendapat Findings	
Hingga (tarikh) To (date)		Sebab 1 Reasons		Sabutan yang dahulu (melainkan jika tiada catatan butir-butirnya) Previous convictions and evidence of character (Unless nil, endorse particulars)	
				Rasuan untuk merungkan hukuman (melainkan jika tiada catatan butir-butirnya) Piro in mitigation (Unless nil, endorse particulars)	
				Hukuman dan atau lain-lain perintah dan/atau lain Sentence and/or other orders and/or bond	
Tarikh menamatkan pembicaraan Date of termination of proceedings		Waran Mempenjarakan No. Warrant of Commitment No.		Ditandatangani Signed	
Resit denda No. Fine Receipt No.					

Borang ini tidak boleh digunakan sekiranya dua orang atau lebih dipertuduhkan bersama.  
This form is not to be used where two or more persons are charged jointly.

\*Semua butir-butir yang ditanda dengan demikian mestilah diendahkan dengan betul.  
All items so marked must be filled in correctly.

Unsur dipinjam dalam Waran dan tangkapan sahaja.  
For use in Warrant and arrest cases only.

JANGAN TULIS DALAM RUANGAN INI  
DO NOT WRITE IN THIS MARGIN

Jika panjang catitkan.  
If long endorse.

LAMPIRAN: G

(JAI-WP. 2)

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PENIGA

WILAYAH PERSEKUTUAN

No 4231

SAMAN KADI/KADI SUMMONS

UPK, 6615

Dalam Mahkamah Kadi Besar di W/Persekutuan  
Kadi

Kepada Othman b. Hashim KPI 9999644 nombor 357/89  
No. 709-40 Rumah Pangsas  
yang ada di dalam mukim Sentul Selatan, Jln.  
Sentul, KL


Bahawa inilah memerintahkan kamu datang mengadap dan menghadirkan dirimu di hadapan majlis tempat bicara ini kepada 4 haribulan Disember tahun 19 89, berbetulan dengan 6 haribulan J'Awal hari Tenin jam pukul 9.00 pagi tahun 14 10, maka tatkala itu kamu akan menjawab suatu pengaduan yang telah diadakan oleh Pondokwaraya Jabatan Agama Islam W/P fasal 157(1) Pengubahsuaian Enakmen Hukum Syarak W/Persekutuan 1988

Maka mestilah kamu hadir jikalau tidak nescaya salahkan kamu pada hukum syarak dan hukum adat.

Tertulis pada 3 haribulan November tahun 19 89

Berbetulan dengan 4 haribulan J'Alahir tahun 14 10

[Signature]  
Ini bekas jari keraninya



Sudah diterima sekeping salinan saman pada 3 haribulan 11 tahun 19 89

[Signature]  
Tandatangan Penerima

Saya [Signature], proses sebar, mengaku dengan sesungguhnya telah menyampaikan sekeping salinan saman ini kepada yang bernama di dalamnya.

[Signature]  
Tandatangan Proses Sebar

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

No 4232

PENIGA

WILAYAH PERSEKUTUAN

SAMAN KADI/KADI SUMMONS

UPK, 6615

Dalam Mahkamah Kadi Besar di W/Persekutuan  
Kadi

Kepada Siti Nor bt Daud KP: A 1079968 nombor 358/89

..... yang ada di dalam mukim No. 80, Kg. Kuala Kemuning, 31400 Lenggong Perak.


Bahawa inilah memerintahkan kamu datang mengadap dan menghadirkan dirimu di hadapan majlis tempat bicara ini kepada 4 haribulan Disember tahun 19 89, berbetulan dengan 6 haribulan J'Awal hari Isnin jam pukul 9.00 pagi tahun 14 10, maka tatkala itu kamu akan menjawab suatu pengaduan yang telah diadukan oleh Pondakwaraya Jabatan Agama Islam W/P fasal 157(1) Pengubahsuaian Enakmen Hukum Syarak W/Persekutuan 1988

Maka mestilah kamu hadir jikalau tidak nescaya salahkan kamu pada hukum syarak dan hukum adat.

Tertulis pada 3 haribulan November tahun 19 89

Berbetulan dengan 4 haribulan J' Akhir tahun 14 09

[Signature]  
Ini bekas jari kerannya



Sudah diterima sekeping salinan saman pada 3 haribulan November tahun 19 89

[Signature]  
Tandatangan Penerima

Saya [Signature], proses sebar, mengaku dengan sesungguhnya telah menyampaikan sekeping salinan saman ini kepada yang bernama di dalamnya.

[Signature]  
Tandatangan Proses Sebar

LAMPIRAN: H

(Mah. 263---Pin. 1/88)

PENIGA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Nº 4561

WILAYAH PERSEKUTUAN

SUBPEONA KADI

Tempat Mahkamah <sup>Kadi Besar</sup>/<sub>Kadi</sub> Wilayah Persekutuan

Nombor..... **Kes Jenayah Bil. 1/88**

Sampai kepada..... **Salbiah bt Yusof** **KP: 5649118**

yang ada di dalam Mukim..... **No. 739, Jalan Perhentian Off Jalan Sentul, KL**

Bahawa ini menyuruhkan kamu datang menghadirkan dirimu sendiri di hadapan tempat bicara ini kepada..... **9**.....haribulan..... **Januari**.....tahun 19. **90** berbetulan dengan..... **12**.....haribulan..... **Januari**.....hari **Selasa** jam pukul..... **9.00**.....pagi tahun 14..... **10**

Maka tatkala itu di sanalah kamu memberi kenyataan sekalian perkara dan barang apa-apa yang telah kamu ketahui suatu perkara yang belum selesai di dalam tempat bicara di antara orang yang..... ~~memuntut~~-**Pendawaraya JAWI**..... dan orang yang kena dakwa namanya..... **Muslan bin Hussain**..... oleh yang demikian itu hendaklah kamu datang dengan tidak boleh tidak akan menerangkan apa-apa yang kamu ketahui di atas perdakwaan ini maka jikalau kamu tiada datang pada hari yang tersebut itu nescaya didendakan banyaknya lima ringgit (\$5.00).

Tertulis pada..... **26**.....haribulan..... **Oktober**.....tahun 19..... **89**

Tandatangan Kadi Besar/Kadi

Tandatangan Kerani



MADYAH KEMAHAMAHAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR  
NO. 150, JALAN IPOH,  
51200 KUALA LUMPUR

LAMPIRAN: J

Kes Jenayah Bil. 240/89

Tarikh: 13hb. Okt., 1989.  
13hb. R'Awal, 1410.

Ketua Polis Balai,  
Balai Polis Setapak, -----  
53000 Kuala Lumpur.

Tuan,


Waran Tangkap Kes Jenayah: 240/89

..... Merujuk perkara di atas, disertakan bersama-sama ini Waran  
Tangkap Kes Jenayah Bil.: 240/89 untuk tuan sempurnakan  
penyampaiannya kepada ROGADIAH BT. KHAIRANI  
K/Pengenalan No.: 6413204. Harap tuan maklumkan ke  
Mahkamah ini samada dapat ditangkap/diserahkan atau tidak se-  
belum hari perbicaraan pada 4hb. Disember, 1989 jam 9.00 pagi.

..... 2. Kerjasama tuan sangat-sangat dihargai.  
Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang berurut perintah,



( MAHAMMAD BIN IBRAHIM )  
Pendaftar,  
Mahkamah Syariah W/Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

s.k: Pendakwaraya,  
Jabatan Agama Islam W/Persekutuan,  
Tingkat Bawah, Bangunan PERKIM,  
No. 150, Jalan Ipoh,  
51200 Kuala Lumpur.

SA/ra

LAMPIRAN: J

MALAYSIA  
Mahkamah Rendah Syariah  
Dalam Mahkamah ~~Sesak~~ di Wilayah Persekutuan K. Lumpur  
Mejistrat

Sessions  
In the Court at  
Magistrates

No. 240 tahun 19 89  
No. of 19

WARAN TANGKAP/WARRANT OF ARREST

Dalam perkara Fasal 157(1) Perintah W/Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen  
in the matter of Rosadiah bt. Khairani K/P: 6413204  
yang beralamat di Blok K1-319, Pangsa Murni, Bandar Baru Wangsa Maju,  
of Setapak, 53300 Kuala Lumpur.  
Bahawasanya orang tersebut di atas adalah diperuduhkan atas yang berikut, ialah:

Whereas the abovenamed person stands charged with the following, namely:


Bahawa kamu pada atau lebih kurang jam 10.30 malam 18hb. Ogos, 1989 di dalam rumah No. 319, Pangsa Murni, Seksyen 6, Wangsa Maju, Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan telah didapati berduaan dalam keadaan yang syak dengan seorang lelaki yang bukan Islam iaitu ROB VAN DER PLAAT Z 147352 yang bukan suami kamu atau berkaitan pernikahan yang diharamkan berkahwin mengikut hukum syarak, dengan itu kamu telah dituduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Fasal 157(1) Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian E.P.H.S.) 1988.

Maka sekarang ini kamu, Ketua Polis Negara, Malaysia dan semua Pegawai Polis yang lain, adalah diarahkan menangkap orang yang dituduh yang tersebut di atas dan mengemukakannya di hadapan Mahkamah yang tersebut di atas dengan seberapa segera yang boleh.

Now you, the Inspector-General of Police, Malaysia and all other Police Officers, are directed to arrest the accused abovenamed and to produce him before the Court abovenamed as soon as may be possible.

Bertarikh pada  
Dated this 13hb. Oktober, 19 89.


T.M.  
L.S.



Jika orang yang dituduh yang tersebut itu memberi jaminan dirinya sebanyak 5 500.00 ~~tersebut~~ atau dengan seorang penjamin dengan

sebanyak itu juga untuk hadir di hadapan Mahkamah pada 4 haribulan Disember, 1989 dan jam 9.00 pg. untuk terus hadir demikian itu sehingga diarah selainnya oleh saya, maka ia bolehlah dilepaskan.

If the said accused shall give bail himself in the sum of 5 with sureties/surety in the like sum to attend before the Court on the day of to continue so to attend until otherwise directed by me, he may be released.



SA/ra

(J.P.N. 4.1.0.01)

s. k: Pendakwara,  
Jabatan Agama Islam W/Persekutuan,  
Tingkat Bawah, Bangunan PERKIM,  
No. 150, Jalan Ipoh,  
51200 Kuala Lumpur.

SA/ra

n Bil. 240/89

18 Okt., 1989.  
18 R'Awal, 1410.

PROSEDUR DALAM MAHKAMAH

1. Hakim masuk. Hadirin berdiri.
2. Pihak Pendakwa berdiri menyatakan sebagai Pendakwa dalam kes.
3. Pihak Peguambela berdiri menyatakan sebagai Peguambela terhadap kes.
4. Hakim arahkan perbicaraan bermula  
Kerani Mahkamah/Pendaftar berdiri
  1. Panggil OKT
  2. Baca pertuduhan
  3. Bertanya mengaku salah atau ingin dibicarakan
5. Pendakwa memohon ke Mahkamah memanggil saksi I dan seterusnya seorang demi seorang.
6. Soal awal pihak Pendakwa )
7. Soal balas pihak Peguambela ) kepada semua saksi
8. Soal semula pihak Pendakwa )
9. Pihak Peguam menggulung hujjah dan juga pihak Pendakwa (rengkas).
10. Hakim buat keputusan, samada yang di tuduh ada kes atau tidak.
11. Pihak OKT dipanggil bela diri (jika ada kes).
12. Pihak Peguam soal awal )
13. Pihak Pendakwa soal balas ) kepada semua saksi
14. Pihak Peguam soal semula )
15. Peguam menggulung hujjah )
16. Pendakwa menggulung hujjah ) menggulung secara menyeluruh
17. Keputusan hakim.

\*\*\*\*\*



Prosedur Pertuduhan

TUDUHAN

1. Langkah pertama di dalam proses pendakwaan.
2. Penting kerana ia merangkumi hak tertuduh dan menjaga supaya tidak berlaku ketidak adilan terhadap tertuduh.
3. Satu notis kepada tertuduh di atas perkara yang dipertuduhkan.
4. Sebagai pemberitahu dengan terang dan tepat di mana pihak pendakwa ingin membuktikan terhadapnya di mana tertuduh mesti membuat pembelaan.
5. Sebagai satu maklumat kepada tertuduh untuk mengetahui keterangan yang akan digunakan terhadapnya.

PRINSIP AM. MERANGKA TUDUHAN

1. Di dalam merangka tuduhan, kesalahan yang dipertuduhkan mestilah dikemukakan secara positif dan terang, supaya tertuduh mengetahui berkenaan pertuduhan tersebut bagi menjawabnya dengan cara yang berkesan - LIM BEH V OPIUM FARMER (1842) 3 ky. 10 - 112.
2. Tertuduh mesti mengetahui berkenaan kesalahan apakah dia dituduh, supaya dia mengetahui di atas kesalahan apakah dia dihukum - JEGAR SINGH V PP (1936) MLJ 114.
3. Dalam merangka tuduhan pendakwa perlu menggunakan perkataan yang diberikan dalam undang-undang berkenaan kesalahan yang dipertuduh; setiap hakim mesti memastikan bahawa ini dilakukan. PP V SYED BAKRI (1955) MLJ xvii. (17)
4. Perkataan di dalam pertuduhan mesti diubahsuai mengikut fakta sesuatu kes. Ianya mesti menunjukkan kepada tertuduh dengan tepat berkenaan kesalahan yang dipertuduhkan dan tidak membuatnya teragak-agak terhadap kesalahan tersebut. Magistrate mesti berpuas hati bahawa pertuduhan telah dibuat dengan betul, sekiranya setelah tamat kes pendakwaan atau bila-bila masa semasa perbicaraan didapati dari keterangan yang diberi bahawa pertuduhan patut diubah; dia boleh mengubahnya atau menambah pada bila-bila masa sebelum memberi hukuman, pertuduhan yang diubah perlu dibacakan kepada tertuduh. - PP V LEE PAK (1937) MLJ 256.
5. Adalah menjadi kewajipan setiap pendakwa untuk mengelakan berlakunya kesilapan dalam pertuduhan, dan adalah menjadi tugas Presiden dan Magistrate untuk memeriksa pertuduhan dengan teliti dan membetulkan kesilapan diperingkat awal. Ini adalah perlu dan mustahak sekiranya seorang pendakwa itu bukan seorang peguam - AHMAD SHAH BIN YASSIN V PP (1952) MLJ 28.

### BENTUK TUDUHAN

1. Setiap tuduhan hendaklah menerangkan kesalahan yang orang itu dituduh.
2. Jika kesalahan telah diberikan nama yang tertentu; disebut dalam tuduhan dengan nama itu sahaja.
3. Jika kesalahan tersebut tidak diberi nama khas; pengertian kesalahan itu hendaklah dinyatakan; sehingga dapat memberikan kenyataan kepada tertuduh berkenaan tuduhan.
4. Undang-undang dan seksyen kesalahan hendaklah disebutkan.
5. Pertuduhan dibuat sama makna dengan fakta setiap syarat perundangan yang menjadi kesalahan.
6. Tuduhan mesti mengandungi butir-butir berkenaan masa dan tempat berlakunya kesalahan; nama mangsa dan barang-barang yang terlibat dalam kesalahan tersebut.
7. Di dalam kes pecah amanah atau salah menggunakan wang memadai dengan menerangkan jumlah kasar wang yang terlibat dalam kesalahan tersebut.
8. Cara bagaimana kesalahan itu dilakukan; sekiranya ia tidak dapat memberikan kenyataan yang mencukupi berkenaan kesalahan yang dilakukan.

### CONTOH TUDUHAN

That you on or about 14th. day of April 1962 at about 4.45 pm. at No. 1 Brighton Crescent Singapore cheated one Low Chuck Seng by deceiving him into believing that a Malayan Banking Ltd. cheque No:- SB/R 023085 for \$6,750 tendered by you in payment of 45 sets of Phillips tape recorders valued at \$6,750 which he would not have done had he not been so deceived and that you have thereby committed an offence punishable U.S. 420 of the Penal Code.

Bahawa kamu pada 14hb. April, 1962 pada jam 4.45 petang di No:- 1 Brighton Crescent, Singapore telah menipu seorang Low Chuck Seng dengan memperdayanya untuk mempercayai bahawa cek M.B. Ltd. No:- SB/R 023085 berjumlah \$6,750 yang diberi sebagai pembayaran 45 buah Phillip tape recorder berharga \$6,750 di mana dia tidak akan memberikannya sekira tidak diperdaya. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 420 kanun keseksaan.

CONTOH TUDUHAN

That you on 5.3.1954 at about 5.20 pm. at Birch Road/ Shaw Road; Kuala Lumpur in the state of Selangor caused the death of one Yap Yong Hor, by doing a negligent act not amounting to culpable homicide; to wit; by driving motor lorry N 3094 negligently and thereby collided head-on with motorcar BB 7811; and that you have thereby committed an offence punishable U.S. 304 Penal Code.

Bahawa kamu pada 5.3.1954 lebih kurang jam 5.20 petang di Jalan Birch/Jalan Shaw, Kuala Lumpur; di dalam Negeri Selangor telah menyebabkan kematian seorang Yap Yong Hor, dengan bertindak dengan cuai yang tidak dianggap sebagai pembunuhan salah; iaitu dengan memandu lori N 3094 secara cuai dan melanggar kereta BB 7811. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh di-hukum di bawah Sek. 304 Kanun Keseksaan.

KESILAPAN

Sekiranya terdapat kesilapan di dalam menyatakan kesalahan atau butir-butir yang perlu disebutkan dalam pertuduhan atau meninggalkan apa-apa butir terhadap kesalahan tidak dianggap sebagai mustahak/penting melainkan kesilapan atau ketinggalan tersebut membuatkan tertuduh keliru dan boleh dianggap sebagai kegagalan terhadap keadilan.

Kesilapan di dalam merangka tuduhan tidak akan menjejaskan kes sekiranya tidak menimbulkan kekeliruan kepada tertuduh di mana hak asasi keadilan tidak dilanggari. Kesilapan tersebut bolih diperbaiki melalui Sek. 156 dan Sek. 422 KAJ.

KES-KES YANG MEMERLUKAN KEBENARAN (SANCTION)

Jika sesuatu kes itu memerlukan kebenaran mendakwa; perbicaraan tidak boleh dijalankan sekiranya terdapat pindaan pertuduhan. Suatu kebenaran pendakwaan yang baru perlu diperolehi. Sekiranya pindaan pertuduhan adalah terhadap fakta yang sama seperti pertuduhan asal maka kebenaran yang baru tidak diperlukan.

Akibat dari tidak mendapatkan kebenaran pendakwaan jika diperlukan selepas pindaan akan menyebabkan perbicaraan tersebut sebagai tidak sah dan dianggap sebagai pertuduhan itu tidak dipinda.

Pindaan pertuduhan bolih mengakibatkan saksi-saksi dipanggil semula untuk memberi keterangan yang baru.

MEMINDA/MENAMBAH TUDUHAN

Mahkamah dibenarkan untuk meminda atau menambah pertuduhan pada bila-bila masa sebelum keputusan hukuman dijatuhkan. Di dalam kes perbicaraan dengan juri sebelum pihak juri memberikan keputusan dan jika perbicaraan dijalankan dengan pengapit sebelum pendapat pengapit diberi. Walaupun demikian peruntukan Sek. 173(h) perlu diambil perhatian di mana mahkamah boleh meminda pertuduhan selepas tamat kes pendakwa jika perlu. Pemindahan pertuduhan diakhir kes pembela hanya boleh dilakukan sekiranya hak asasi tertuduh tidak terjejas. Setiap pindaan pertuduhan hendaklah dibaca semula kepada tertuduh dan pengakuan semula diminta dari tertuduh.

TUDUHAN BERASINGAN BAGI KESALAHAN BERASINGAN

Kesalahan berasingan apabila dua kesalahan dilakukan yang ada kaitan diantara satu dengan lain:-

- a) Kesalahan yang diperuntukan di bawah seksyen yang berlainan di dalam kanun keseksaan atau lain-lain akta.
- b) Kesalahan yang diperuntukan di bawah seksyen yang sama tetapi dilakukan pada masa atau tarikh yang berlainan.
- c) Kesalahan yang dilakukan kepada berlaian orang atau mangsa.

Jika di dalam pertuduhan terdapat dua atau lebih kesalahan yang berasingan pertuduhan tersebut akan dianggap sebagai "berulang" atau "duplicity" di mana bolih menyebabkan hukuman dimansuhkan.

SETIAP PERTUDUHAN DIBICARA BERASINGAN

Setiap pertuduhan hendaklah dibicara berasingan jika tidak ianya dianggap sebagai "misjoinder of charges". Ini akan mengakibatkan perbicaraan itu menjadi tidak sah dan hukuman dimansuhkan. Walaubagaimanapun perutukan ini mempunyai pengecualian:-

- a) Sek:- 153(ii) - Kesalahan pecah amanah dan salahguna keewangan bolih dibuat dalam satu tuduhan sekiranya kesalahan berlaku dalam tempuh 1 tahun.
- b) Sek:- 164 - 3 kesalahan yang sejenis yang dilakukan dalam tempuh 12 bulan bolih dituduh bersama.
- c) Sek:- 165 memperuntukkan 3 keadaan:-
  - (i) Seorang tertuduh yang melakukan kesalahan di dalam perbuatan bersiri dan perbuatan tersebut mempunyai kaitan dengan perbuatan yang lain yang menjadikannya sebagai satu

transaksi.

- (ii) Perbuatan yang dilakukan menjadikan satu kesalahan di bawah dua atau lebih definisi undang-undang yang berkuatkuasa.
  - (iii) Satu atau lebih perbuatan yang dengan sendirinya apabila dikaitkan menjadi kesalahan yang berlainan.
- d) Sek:- 166 - Fakta dalam sesuatu kes itu tepat tetapi kesalahan yang dilakukan boleh dikategorikan dalam berbagai kesalahan iaitu kesalahan lebih dari satu yang dilakukan dalam satu siri perbuatan atau perbuatan yang bersiri. Pihak pendakwa tidak dapat ketetapan fakta-fakta itu telah mewujudkan berbagai kesalahan. Pendakwa boleh membuat 2 pilihan:-
- (i) Pihak pendakwa boleh menudoh keatas semua kesalahan; atau
  - (ii) Menuduh di atas satu kesalahan dan kesalahan yang lain sebagai kesalahan "alternative".

#### TUDUHAN BERSAMA

Mempunyai lebih dari seorang tertuduh; boleh dituduh di atas kesalahan yang sama atau berlainan; dan kesalahan mesti dilakukan di dalam satu transaksi yang sama. Dalam tuduhan bersama perkara yang penting:-

- (i) Pendekatan masa - semua kesalahan dilakukan dalam masa yang sama.
- (ii) Pendekatan tempat - semua kesalahan dilakukan ditempat yang sama.
- (iii) Kesenambungan perbuatan - dalam melaksanakan kesalahan ianya berkait antara satu dengan yang lain.
- (iv) Kesenambungan tujuan - iaitu di atas tujuan yang sama.

#### TUDUHAN BERSUBAHAT

Sekiranya seorang melakukan kesalahan dan seorang lagi kerana bersubahat melakukan kesalahan mereka boleh dipertuduhkan bersama. Samada mereka boleh dibicarakan bersama adalah terpulang kepada budibicara mahkamah.

Ref. TEJA SINGH & ANOR V PP (1950) MLJ 71.

SYED ISMAIL V PP (1957) 2 MLJ 123.

Sekiranya lebih dari satu pertuduhan telah diberi keatas tertuduh yang sama dan diakhir perbicaraan satu dari tuduhan telah disabitkan kesalahan, pendakwa dengan kebenaran mahkamah bolih menarik semula baki pertuduhan yang ada. Mahkamah juga bolih dengan sendirinya menolak pemeriksaan atau pembicaraan keatas baki pertuduhan. Akibat dari penarikan semula atau penolakan pemeriksaan ini bolih diertikan sebagai dibebaskan dari tuduhan; melainkan hukuman dimansuh di atas rayuan. Jika hukuman dimansuhkan di atas rayuan mahkamah bolih meneruskan perbicaraan keatas pertuduhan tersebut.

#### MENGAMBIL KIRA KESALAHAN LAIN SEMASA MENJATUHKAN HUKUMAN


Sekiranya seseorang itu dipertuduh dengan berbagai tuduhan diakhir perbicaraan di atas satu tuduhan mahkamah bolih mengambil kira pertuduhan yang lain; jika tertuduh memberikan persetujuannya jika tindakan ini diambil tertuduh tidak bolih dituduh semula keatas kesalahan yang diambil kira melainkan hukuman telah diketepikan semasa rayuan.

#### HUKUMAN KESALAHAN YANG TIDAK DITUDUH

Sekiranya seorang tertuduh dituduh di atas satu kesalahan dan semasa perbicaraan keterangan yang ujud menunjukkan ujud kesalahan lain dia bolih dihukum di atas kesalahan tersebut.

Perkara yang perlu dipatuhi sebelum tindakan tersebut bolih diambil ialah:-

- i) Fakta kes tersebut wujud dari mula seolah pertuduhan tersebut bolih dibuat dan dibicara dalam satu perbicaraan.
- ii) Keterangan telah diberi yang membangkit isu yang sama dalam fakta.
- iii) Apabila sesaorang dituduh di atas satu kesalahan kerana percubaan melakukan kesalahan tersebut; walaupun percubaan itu tidak dituduh berasingan.
- iv) Apabila sesaorang tertuduh dituduh kerana kesalahan yang mengandungi perkara-perkara di mana menetapkan suatu kesalahan kecil telah ujud; bolih dihukum di atas kesalahan tersebut walaupun tidak dituduh atas kesalahan itu.
- v) Apabila sesaorang dituduh di atas satu kesalahan dan fakta membuktikan ujud satu kesalahan kecil; bolih dihukum di atas kesalahan tersebut walaupun tidak dituduh atas kesalahan itu.



# TAMAT



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM

